



YAYASAN ISLAM KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Taraf Bumiputera) untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BANGUNAN AKADEMIK, PAGAR ASRAMA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN UNTUK SMU(A) DARUL ANUAR PULAU MELAKA, KOTA BHARU, KELANTAN

NO SEBUTHARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUTHARGA	TEMPOH PENJUALAN SEBUTHARGA	LPIPM	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
YIK(S)100-10/5/44(01)	22/6/2020 10.00 Pagi TAPAK PROJEK SMU(A) DARUL ANUAR PULAU MELAKA	22/6/2020 Hingga 29/6/2020	Gred : G1	RM 50.00	29/6/2020

***Sila bawa cop syarikat semasa menghadiri taklimat sebutharga**

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah tempohnya** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) oleh CIDBSatu salinan fotostat Sijil-sijil Asal bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Islam Kelantan semasa hendak membeli dokumen. Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Yayasan Islam Kelantan tidak layak.
3. Bayaran dokumen sebutharga boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **PENGARAH YAYASAN ISLAM KELANTAN** Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebutharga bagi setiap sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja.
4. Kontraktor yang berminat dikehendaki terlebih dahulu mengisi borang pendaftaran untuk lawatan tapak di laman web Yayasan Islam Kelantan sebagaimana pautan yang disediakan.
5. Dokumen sebutharga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 12.30 T/hari, 2.30ptg - 4.30 ptg) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
6. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga secara berperingkat mengikut jadual sesi lawatan tapak yang akan dimuat naik ke laman web Yayasan Islam Kelantan pada 21 Jun 2020. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / CIDB** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh Yayasan Islam Kelantan semasa menghadiri taklimat tender.
7. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. Yayasan Islam Kelantan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Yayasan Islam Kelantan berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** seperti alamat di bawah :

YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, NILAM PURI, 15730 KOTA BHARU, KELANTAN
Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.

10. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.



YAYASAN ISLAM KELANTAN

PENDAFTARAN LAWATAN TAPAK

NAMA :

NAMA & ALAMAT SYARIKAT :

NO. TELEFON :